




KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

2021-2025

PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

2021-2025

Cetakan Pertama 2021

Hak Cipta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4

62100 PUTRAJAYA

No. Telefon: 03-8000 8000

No. Faks: 03-8323 2000

Laman Sesawang: www.kpwkm.gov.my

Dicetak oleh : ONE TOUCH CREATIVE SDN. BHD.

Hak Cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

KANDUNGAN

1.	Perutusan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	i
2.	Perutusan YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	ii
3.	Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	iii
4.	Ringkasan Eksekutif	iv
5.	Latar Belakang	1
6.	Agensi	2
7.	Carta Organisasi	4
8.	Misi dan Visi	5
9.	Objektif	6
10.	Punca Kuasa	7
11.	Kumpulan Sasar	10
12.	Nilai Bersama	11
13.	Kerangka Strategik	12

14.	Teras Strategik	13
15.	Ringkasan Pelan Strategik	14
16.	Langkah Strategik	15
17.	Pelan Tindakan	17
i)	Teras 1: Memperkuuh Institusi Kekeluargaan	18
ii)	Teras 2: Memperkasa Wanita	27
iii)	Teras 3: Melindung dan Membangun Kanak-Kanak	34
iv)	Teras 4: Memantapkan Persekutaran Kondusif Warga Emas	41
v)	Teras 5: Memperkasa Orang Kurang Upaya (OKU)	47
vi)	Teras 6: Meningkatkan Kemandirian Kumpulan Khusus	55
vii)	Teras 7: Meningkatkan Keterlihatan Negara di Peringkat Antarabangsa	61
viii)	Teras 8: Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan	67
18.	Senarai Singkatan	80

PERUTUSAN MENTERI



Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kita berjaya menghasilkan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tempoh 2021-2025.

Pelan Strategik ini merupakan sebuah dokumen penting yang akan mengemudi KPWKM bagi tempoh 5 tahun akan datang. Ia telah dijajarkan dengan beberapa komitmen penting negara sama ada di peringkat nasional maupun di peringkat antarabangsa. Selaras dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB30) yang mengangkat kepentingan inklusiviti dan juga semangat Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) yang mendukung pendekatan *leave no one behind*, Kementerian ini akan terus memfokuskan kepada usaha-usaha pembangunan kumpulan

sasar KPWKM yang terdiri daripada kanak-kanak, wanita, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan keluarga. Pada masa yang sama, KPWKM juga turut memberi perhatian kepada keperluan kumpulan khusus seperti mangsa keganasan rumah tangga, orang papa, mangsa bencana, mangsa pemerdagangan orang serta pesalah muda agar mereka terus dilindungi dan diperkasa.

Mengambil kira kepentingan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya penyampaian perkhidmatan, Pelan Strategik ini menitikberatkan pendekatan untuk mengoptimumkan akses kepada sumber dan memastikan pelaksanaan program dan aktiviti yang lebih bersasar dan ini diterjemahkan melalui langkah-langkah strategik yang memberikan impak signifikan. Usaha-usaha ini akan terus ditambah baik bagi manfaat kumpulan sasar dan ia merupakan manifestasi terhadap komitmen KPWKM di bawah obligasi antarabangsa yang akan menyumbang kepada keterlihatan (*visibility*) negara.

Akhir kalam, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penghasilan Pelan Strategik KPWKM 2021-2025 dan saya berharap agar dokumen ini diangkat sebagai rujukan penting dalam menterjemahkan hasrat KPWKM.

Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Rina Mohd Harun

PERUTUSAN TIMBALAN MENTERI



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah dan syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, KPWKM berjaya menyediakan Pelan Strategik untuk tahun 2021 hingga 2025. Tahniah juga diucapkan kepada KPWKM kerana sekali lagi telah menghasilkan satu lagi Pelan Strategik yang berupaya untuk menyahut seruan dan cabaran bagi tempoh lima (5) tahun akan datang yang perlu dihadapi dengan norma baharu dan pastinya lebih mencabar.

Saya amat yakin dan percaya KPWKM dari semasa ke semasa akan sentiasa berusaha sedaya upaya dan sentiasa terbuka kepada ruang penambahbaikan demi kepentingan rakyat.

Saya berdoa semoga tahun 2021 dapat memberi titis harapan agar semua aspirasi seperti yang dihasratkan dalam Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2021–2025 dapat direalisasikan dan mencapai matlamat utamanya untuk menjeharterakan rakyat.

Kepada semua warga KPWKM, saya berharap kita semua akan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar. Janganlah kita memandang enteng kepada masalah yang dihadapi oleh mereka. Tanamkanlah sifat-sifat yang murni dan terpuji dalam menjalankan tanggungjawab kita kepada kumpulan sasar seperti firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 195:

وَأَنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ۝ وَأَحْسِنُوا ۝
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baiklah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menghasilkan dokumen ini dengan begitu komprehensif. Saya percaya dan amat yakin Pelan Strategik ini mampu menjadi satu manifestasi usaha yang berterusan untuk memastikan KPWKM dapat membawa kesejahteraan kepada semua lapisan rakyat demi kemakmuran bersama.

Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2021-2025 telah dikemas kini agar hala tuju dan pengoperasian KPWKM adalah berteraskan komitmen terkini Kerajaan dan mengambil kira keperluan semasa kumpulan sasar. Kandungan Pelan Strategik ini telah disusun semula dengan memberi fokus kepada usaha-usaha untuk membangunkan masyarakat secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebajikan produktif.

Antara perkara yang turut diberikan tumpuan merangkumi pemerkasaan komuniti dan juga kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam menyediakan sokongan dan perkhidmatan kepada kumpulan sasar KPWKM melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of society*.

Bagi memastikan komitmen di bawah Pelan Strategik ini juga dijadikan rujukan penting di peringkat nasional, beberapa elemen penting di bawah Rancangan Malaysia ke-12 telah diterapkan supaya setiap perancangan yang digariskan disokong dengan sumber yang mencukupi.

Adalah diharapkan supaya Pelan Strategik ini akan terus menjadi *living document* yang menjadi rujukan semua pihak agar setiap lapisan masyarakat mempunyai peluang dan akses yang sama rata untuk membolehkan mereka turut sama menyumbang dan menyertai proses pembangunan negara dan akhirnya mendapat manfaat daripada pembangunan tersebut.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dan tenaga dalam penyediaan pelan strategik ini dan berharap agar kandungannya dapat terus memandu KPWKM dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada kumpulan sasar.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Junaidah binti Kamarruddin

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang menghampiri usia dua dekad telah memberi impak yang signifikan kepada aspek pembangunan sosial di Malaysia. Sejarah KPWKM bermula dengan pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita pada 30 Januari 2001. Ia selaras dengan komitmen Kerajaan semasa Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam dokumen *Beijing Declaration and Platform for Actions* iaitu:

"Pewujudan sebuah kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini"

Berdasarkan kepadakomitment tersebut, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita pada tahun 2001. Fungsi kementerian kemudiannya telah diperluas dan Kementerian ini dinamakan sebagai Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001. Lanjutan itu, Jabatan Hal Ehwal Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah diletakkan di bawah kementerian ini. Melalui penstruktur semula, Jabatan Hal Ehwal Wanita kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Selepas Pilihan Raya Umum Kesebelas (PRU-11) pada bulan Mac 2004, fungsi dan tanggungjawab KPWK telah diperluaskan. Pada 27 Mac 2004 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dibubarkan dan fungsinya dipindahkan ke KPWK. Susulan itu, KPWK kemudiannya telah ditransformasi kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Melalui penstruktur baru ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan hala tuju empat buah agensi iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Institut Sosial Malaysia (ISM).

KPWKM seterusnya diberi mandat untuk menubuhkan Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) atau *NAM Institute for the Empowerment of Women* (NIEW) secara rasmi mulai 1 Julai 2006. Institut ini berperanan untuk melaksanakan latihan pengupayaan kepada wanita dalam kalangan negara-negara anggota NAM. Di bawah Pelan Rasionalisasi Kerajaan pada tahun 2019, NIEW kemudiannya dibubarkan dan fungsinya diserapkan dibawah Jabatan Pembangunan Wanita berkuatkuasa 1 Oktober 2019.

KPWKM mempunyai peranan yang besar terhadap sepuluh kumpulan sasar iaitu wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), mangsa bencana, orang papa, pesalah muda, mangsa keganasan rumah tangga dan mangsa pemerdagangan orang. Tanggung jawab tersebut bukan hanya daripada aspek kebijakan kumpulan sasar, tetapi turut merangkumi aspek pembangunan iaitu perlindungan, pemeliharaan, pemulihan, pencegahan, khidmat sokongan, penyertaan, kelangsungan hidup, pembangunan kapasiti, advokasi dan kesedaran, pengintegrasian serta kajian dan pembangunan.

Sehubungan itu, Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2021 – 2025 telah disediakan bagi memastikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Kementerian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai hasrat Kerajaan dalam memperkasakan golongan sasar Kementerian. Pelan strategik ini disediakan bagi menggantikan pelan strategik lima tahun Kementerian sebelum ini yang telahpun tamat pada tahun 2017.

Pelan Strategik ini disediakan bagi mendukung mendukung visi KPWKM untuk menjadi peneraju utama dalam pembangunan masyarakat ke arah kemakmuran bersama. Pelan strategik ini disediakan dengan menjadikan dokumen utama Kerajaan seperti Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB30) dan *Sustainable Development Goals* (SDG) sebagai rujukan. Kerangka pelan ini dibuat bagi memastikan perancangan dan inisiatif KPWKM adalah selari dengan perancangan dan hasrat Kerajaan secara total. Di samping itu, dokumen ini juga disediakan dengan mengambil kira tumpuan baharu Kerajaan antaranya berkaitan bantuan berfokus dan pembangunan masyarakat kendiri.

Selain itu, rujukan turut dibuat kepada beberapa dokumen antarabangsa seperti *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*, *Convention on the Rights of the Child (CRC)* dan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)* untuk memastikan komitmen Kementerian di peringkat antarabangsa turut diberi perhatian.

Pelan Strategik ini bukan hanya akan menjadi dokumen utama kepada Kementerian dalam menjayakan inisiatif yang telah digariskan, malah ia juga akan menjadi rujukan utama kepada agensi KPWKM bagi menggerakkan setiap inisiatif yang dirangka. KPWKM akan terus memberi tumpuan kepada perkara-perkara berkaitan dasar dan hala tuju organisasi bagi memastikan manfaat yang berterusan kepada kumpulan sasar.

Sebanyak lapan Teras Strategik dan 34 Langkah Strategik telah digariskan dalam Pelan ini. Selain itu, 201 program juga telah dikenalpasti bagi mencapai 274 indikator yang telah disasarkan. Pemantauan secara berterusan akan dibuat bagi memastikan setiap program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

LATAR BELAKANG

Januari
17
2001

Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita

Februari
15
2001

Dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) selaras perluasan fungsi Kementerian

Mac
27
2004

KPWK telah ditukar nama menjadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berikutan penambahan fungsi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang dibubarkan

HIMPUNAN LOGO



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Diperkenalkan pada
2001



Diperkenalkan pada
9 Jun 2015



Diperkenalkan pada
1 Januari 2017

AGENSI

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan visinya untuk menjadi peneraju sektor kebajikan dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat telah ditubuhkan pada April 1946. Dalam tempoh 72 tahun, JKM telah mengalami evolusi bagi melaksanakan peranannya sesuai dengan motto "Berkat Berjasa".

Bermula dengan penglibatannya menangani pelbagai masalah yang timbul pasca Perang Dunia Kedua, peranan dan fungsi JKM kini diperluaskan sehingga kepada penyediaan perkhidmatan pencegahan dan pemulihian dalam isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat. Visi JKM adalah untuk menjadi peneraju utama kebajikan dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melalui beberapa perubahan bermula pada tahun 1975 sehinggalah perubahan terakhir iaitu pada nama JPW pada tahun 1 Julai 2001.

Berfungsi sebagai jentera pelaksana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan menjalankan program dan aktiviti pembangunan wanita selaras dengan visi dan misi KPWKM.



Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, (LPPKN) telah ditubuhkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 [Akta 352] dan diletakkan di bawah KPWKM pada tahun 2001.



LPPKN merupakan agensi utama dalam bidang kependudukan, pembangunan dan reproduksi manusia. Fungsi utama LPPKN adalah menasihat Kerajaan mengenai perkara-perkara berkaitan dasar dan program kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Selaras dengan bidang utama LPPKN, adalah menjadi tanggung jawab LPPKN untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti, menyebar pengetahuan dan memberi didikan dan memberi latihan berterusan kepada juru latih berkaitan serta menjalankan kajian, penyelidikan dan aktiviti pembangunan.

Institut Sosial Malaysia (ISM) merupakan sebuah agensi mula beroperasi pada tahun 2002 dengan objektif utama untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang sosial dan pembangunan sosial.

Institut ini merupakan pusat sumber dalam bidang sosial dan kini mengorak langkah untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam latihan dan penyelidikan. Aktiviti utama pusat ini adalah penganjuran kursus latihan, seminar, bengkel, forum, persidangan utama dalam bidang pembangunan sosial serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan.




Yayasan Kebajikan Negara (YKN) adalah sebuah tabung amanah yang diperbadankan pada 5 Disember 1981 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. YKN ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah dan dikawalselia oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 18 Jun 1981. YKN berada di bawah bidang kuasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Objektif penubuhan YKN adalah untuk menjaga kebajikan dan perkembangan sosial rakyat Malaysia terutamanya wanita dan kanak-kanak.

Visi YKN adalah membantu usaha kerajaan membangunkan anggota masyarakat khususnya golongan yang berkeperluan berteraskan modaliti penjanaan modal insan dan misi YKN adalah menjalin perkongsian bijak dengan pelbagai sektor ke arah memajukan taraf hidup dan keselesaan golongan yang memerlukan.

Lembaga Kaunselor (LK) telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat setelah penyusunan semula kabinet pada tahun 2004. Lembaga Kaunselor bertanggungjawab terhadap semua urusan berhubung penguatkuasaan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan merupakan satu mekanisme pelaksanaan perkara-perkara yang berhubung dengan akta tersebut bagi mengawal dan membangunkan tahap profesionalisme kaunselor dan perkhidmatan kaunseling di negara ini.



CARTA ORGANISASI



PETUNJUK:

BAHAGIAN UNIT BERTARAF BAHAGIAN

VISI

PENERAJU UTAMA DALAM PEMBANGUNAN
MASYARAKAT KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA

MISI

MEMBANGUN MASYARAKAT SEJAHTERA SECARA
INKLUSIF DAN SAKSAMA MELALUI INOVASI SOSIAL
DAN KEBAJIKAN PRODUKTIF

DEFINISI PEMBANGUNAN

PEMBANGUNAN ADALAH MERUJUK KEPADA INISIATIF-INISIATIF YANG DIBERIKAN KEPADA KUMPULAN SASAR KPWKM BERKAITAN PERLINDUNGAN, PEMELIHARAAN, PENCEGAHAN, PENYERTAAN, PEMBANGUNAN KAPASITI, PENGINTERGRASIAN, KELANGSUNGAN HIDUP, KHIDMAT SOKONGAN, ADVOKASI DAN KESEDARAN SERTA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

OBJEKTIF

1

Memperkuuh institusi perkahwinan dan kekeluargaan untuk kestabilan sosial

2

Memperkasa wanita dan mengarusperdanakan gender bagi mencapai kesejahteraan bersama

3

Melindungi dan membangun kanak-kanak bagi mencapai potensi yang optimum

4

Mendaya upaya Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan orang papa demi kesejahteraan hidup

5

Meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan untuk sistem sokongan yang berkesan dan menyeluruh

PUNCA KUASA

A. DASAR DAN PELAN TINDAKAN





B. AKTA

- 01** Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 [Akta 352]
- 02** Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611]
- 03** Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]
- 04** Akta Orang-orang Papa 1977 [Akta 183]
- 05** Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]
- 06** Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308]
- 07** Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]
- 08** Akta Kaunselor 1998 [Akta 580]
- 09** Akta Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (Pemerbadanan) 1948 [Akta 529]
- 10** Akta Persatuan Institut Wanita Kebangsaan bagi Malaysia (Pemerbadanan) 1958 [Akta 10]
- 11** Akta Persatuan Bulan Sabit Merah (Pemerbadanan) 1965 [Akta 540]
- 12** *Salvation Army (Incorporated) Act 1956* [Akta 690]
- 13** Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) 1975 (Akta 162)

C. KONVENSYEN-KONVENSYEN HAK ASASI MANUSIA

Konvensyen – konvensyen hak asasi manusia yang telah diratifikasi oleh Kerajaan Malaysia dan diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah seperti berikut:



KUMPULAN SASAR

A) UMUM



B) KHUSUS



NILAI BERSAMA



KERJASAMA BERPASUKAN

Bekerjasama dalam pasukan untuk mencapai visi dan misi KPWKM.



PRIHATIN DAN PENYAYANG

Mewujudkan budaya cakna (ambil berat) sesama warga KPWKM dan juga kumpulan sasar.



WIBAWA DAN PROFESIONAL

Menghayati dan mengamalkan profesionalisme meliputi komitmen yang tinggi, bertanggungjawab, gigih, berkemahiran, bijaksana, berintegriti, berdaya saing, tekun dan tabah dalam menjalankan tugas.



KREATIF DAN INOVATIF

Sentiasa bersedia dan berusaha membuat perubahan dan pembaharuan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dengan sumber yang optimum.



MENGUTAMAKAN PELANGGAN

Memenuhi dan mengutamakan kehendak pelanggan dengan bersedia menerima cadangan atau kritikan.

KERANGKA STRATEGIK

VISI	PENERAJU DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA							
MISI	MEMBANGUNKAN MASYARAKAT SEJAHTERA SECARA INKLUSIF DAN SAKSAMA MELALUI INOVASI SOSIAL DAN KEBAJIKAN PRODUKTIF							
TERAS STRATEGIK	TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4	TERAS 5	TERAS 6	TERAS 7	TERAS 8
	Memperkuat Institusi Keluargaan	Memperkasa Wanita	Melindungi dan Membangun Kanak-Kanak	Menyekitaran Kondusif Warga Emas	Memberkasa Orang Kurang Upaya (OKU)	Meningkatkan Kemandirian Kumpulan Khusus	Meningkatkan Negara di peringkat Antarabangsa	Meningkatkan Kecepatan dan Koberkesan Penyampaikan Perkhidmatan
LANGKAH STRATEGIK	<p>LS 1: Memantapkan dasar, perundangan dan penyelidikan berkaitan kanak-kanak</p> <p>LS 2: Memperkuatkan institusi perkhidmatan wanita</p> <p>LS 3: Mengembangkan nilai kelelahan dan pembangunan sains remaja yang positif</p> <p>LS 4: Meningkatkan aksesibiliti khidmat sokongan keluarga</p> <p>LS 5: Mewujudkan jaringan tenterasan wanita</p>	<p>LS 1: Memantapkan dasar, perundangan dan penyelidikan berkaitan wanita</p> <p>LS 2: Memperbaiki sistem perindungan dan pemuliharan</p> <p>LS 3: Mengembangkan nilai kelelahan dan pembangunan sains remaja yang positif</p> <p>LS 4: Meningkatkan aksesibiliti khidmat sokongan keluarga</p> <p>LS 5: Mewujudkan jaringan tenterasan wanita</p>	<p>LS 1: Memantapkan dasar, perundangan dan penyelidikan berkaitan warga emas</p> <p>LS 2: Memperbaiki strategik berkaitan pergunaan aktif</p> <p>LS 3: Mengembalik persetiaan dan perlindungan warga emas</p> <p>LS 4: Memperluas penglibatan komuniti dalam pengintegrasian kanak-kanak ke dalam masyarakat</p>	<p>LS 1: Memantapkan dasar, perundangan dan penyelidikan berkaitan OKU</p> <p>LS 2: Memperbaiki keriduan berdirikan OKU</p> <p>LS 3: Mengembangkan keharuman dan perenamaan masyarakat terhadap OKU</p> <p>LS 4: Memperkasa sokongan sosial kepada OKU</p>	<p>LS 1: Memantapkan dasar, perundangan dan penyelidikan berkaitan kumpulan khusus</p> <p>LS 2: Memperbaiki perkhidmatan kepada kumpulan khusus</p> <p>LS 3: Mereka yasa program pembangunan masyarakat</p> <p>LS 4: Memperkasa penglibatan komuniti dan kolaborasi strategik</p>	<p>LS 1: Memantapkan dasar, perundangan dan penyelidikan berkaitan kumpulan khusus</p> <p>LS 2: Memperbaiki perkhidmatan kepada kumpulan khusus</p> <p>LS 3: Meningkatkan kualiti penyampaian kerja yang kondisif</p> <p>LS 4: Meningkatkan kualiti penyampaian kerja yang kondisif</p> <p>LS 5: Menjadikan perkhidmatan sebagai kawanseliaan masyarakat</p> <p>LS 6: Menjadikan perkhidmatan kerja sosial sebagai perkhidmatan yang profesional</p>		
ASAS	WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA	RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS	OBB 2021-2025	MACASID SYARIAH	SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS	UN CONVENTION		
RAKAN STRATEGIK	Agenisi Persekutuan Kementerian Kerajaan Negeri Kerajaan Tempatan Badan Berkanun NGO Komuniti Sektor Swasta CBO CSO						POSTCAB MPT MAJLIS-MAJLIS JK PEMANDU JK TEKNIKAL JK PEMANTAUAN	
MEKANISME	NILAI BERSAMA						K - Kerjasama berpasukan , P - Prihatin dan pernyayang, W - Wibawa dan profesional, K - Kreatif dan inovatif, M - Mengutamakan pelanggan	

TERAS STRATEGIK

-
- The diagram illustrates the eight Strategic Paths (TERAS) of the Strategic Plan, each represented by a colored arrow pointing right. A large number (1-8) is centered in a circle at the start of each path, with the word 'TERAS' written vertically to its left.
- TERAS 1**: Memperkuuh Institusi Kekeluargaan
 - TERAS 2**: Memperkasa Wanita
 - TERAS 3**: Melindungi dan Membangun Kanak-Kanak
 - TERAS 4**: Memantapkan Persekutuan Kondusif Warga Emas
 - TERAS 5**: Memperkasa Orang Kurang Upaya (OKU)
 - TERAS 6**: Meningkatkan Kemandirian Kumpulan Khusus
 - TERAS 7**: Meningkatkan Keterlihatan Negara di peringkat Antarabangsa
 - TERAS 8**: Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan

RINGKASAN PELAN STRATEGIK



TERAS STRATEGIK	LANGKAH STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR
1	4	24	42
2	5	22	24
3	4	26	38
4	4	24	28
5	4	24	31
6	4	21	22
7	3	23	24
8	6	37	66
JUMLAH	34	201	275

LANGKAH STRATEGIK

TERAS 1	MEMPERKUKUH INSTITUSI KEKELUARGAAN
LS 1	Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan kekeluargaan
LS 2	Memperkuuhkan institusi perkahwinan yang berkualiti dan stabil
LS 3	Membudayakan nilai kekeluargaan dan pembangunan sahsiah remaja yang positif
LS 4	Meningkatkan aksesibiliti khidmat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan keluarga bersasar
TERAS 2	MEMPERKASA WANITA
LS 1	Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan wanita
LS 2	Mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan wanita
LS 3	Memperkuuhkan aspek perlindungan dan penjagaan terhadap wanita
LS 4	Meningkatkan kepekaan gender ke arah pembentukan masyarakat yang saksama
LS 5	Mewujudkan jaringan pemeriksaan wanita ke arah memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar
TERAS 3	MELINDUNGI DAN MEMBANGUN KANAK-KANAK
LS 1	Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan kanak-kanak
LS 2	Mempertingkatkan program pencegahan dan pembangunan supaya kanak-kanak mencapai potensi optimum
LS 3	Merekayasa sistem perlindungan dan pemuliharaan kanak-kanak bagi memelihara kepentingan terbaik kanak-kanak
LS 4	Memperluas penglibatan komuniti dalam pengintegrasian kanak-kanak ke dalam masyarakat
TERAS 4	MENYOKONG PERSEKITARAN KONDUSIF KE ARAH KESEJAHTERAAN WARGA EMAS
LS 1	Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan warga emas
LS 2	Meningkatkan promosi, advokasi dan kolaboratif strategik berkaitan pgunaan aktif ke arah kesejahteraan warga emas
LS 3	Menambah baik persekitaran dan perlindungan warga emas ke arah penjagaan yang berkualiti
LS 4	Memperkasa sokongan sosial kepada warga emas ke arah pgunaan aktif

TERAS 5	MEMPERKASA ORANG KURANG UPAYA (OKU)
LS 1	Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU)
LS 2	Menyokong kehidupan berdikari Orang Kurang Upaya (OKU)
LS 3	Meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya (OKU)
LS 4	Memperkasa sokongan sosial kepada Orang Kurang Upaya (OKU)

TERAS 6	MENDAYA UPAYA KUMPULAN KHUSUS
LS 1	Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan kumpulan khusus
LS 2	Memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan khusus
LS 3	Merekayasa program pembangunan ke arah kemandirian kumpulan khusus
LS 4	Memperkasa penglibatan komuniti dan kolaborasi strategik dalam mendaya upaya kumpulan khusus

TERAS 7	MENINGKATKAN KETERLIHATAN NEGARA DI PERINGKAT ANTARABANGSA
LS 1	Memenuhi obligasi negara di peringkat antarabangsa
LS 2	Memastikan visibiliti KPWKM di peringkat antarabangsa
LS 3	Menjayakan komiten KPWKM di peringkat antarabangsa

TERAS 8	MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN
LS 1	Menambah baik Tadbir Urus Perkhidmatan
LS 2	Memperkuatkan pembangunan kerjaya modal insan
LS 3	Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif
LS 4	Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar
LS 5	Mengarusperdanakan perkhidmatan kaunseling
LS 6	Menjadikan Perkhidmatan Kerja Sosial sebagai perkhidmatan yang profesional

PELAN TINDAKAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

2021-2025

Penerangan	
Peneraju	Merujuk kepada Bahagian/Agensi yang akan meneraju dan melaksanakan inisiatif di dalam Pelan Tindakan
Agensi Terlibat	Merujuk kepada Bahagian/Agensi yang akan menyokong dan membantu melaksanakan inisiatif di dalam Pelan Tindakan
Semua Bahagian	Merujuk kepada semua Bahagian dan Unit di KPWKM
Semua Agensi	Merujuk kepada semua Agensi KPWKM (JKM, JPW, LPPKN, ISM, YKN dan LK)

TERAS 1: MEMPERKUKUH INSTITUSI KEKELUARGAAN

LANGKAH STRATEGIK 1



Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan kekeluargaan

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Semakan semula dasar dan pelan tindakan berkaitan keluarga	1 dokumen Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Negara (DKN) dikemaskini	2021	<u>Peneraju:</u> BDPS, LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		1 dokumen Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reprokrutif dan Sosial (PEKERTI) dikemaskini	2021	<u>Peneraju:</u> BDPS, LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		1 dokumen Program Perancang Keluarga Kebangsaan dikemaskini	2022	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> BDPS, Semua Agensi
2	<i>Family Impact Assessment</i>	1 senarai semak dibangunkan	2021	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
3	Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (Siri ke-6)	4 laporan kajian berkaitan warga emas, wanita dan lelaki, remaja dan bujang dilaksanakan	2021-2024	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agenzi Terlibat:</u> Semua Agensi
4	Halatuju Kependudukan Negara ke arah Pembangunan Lestari 2030	1 Dasar Kependudukan Negara ke arah Pembangunan Lestari 2030 digubal	2022	<u>Peneraju:</u> KPWKM <u>Agenzi Terlibat:</u> Semua Agensi
5	Semakan semula Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Akta 352)	Akta 352 dikemaskini	2022-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agenzi Terlibat:</u> BDPS, Semua Agensi
6	Indeks Kesejahteraan Keluarga	2 laporan IKK disediakan	2022 & 2024	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agenzi Terlibat:</u> Semua Agensi
		Mencapai 8 skor daripada 10	2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agenzi Terlibat:</u> Semua Agensi
7	Pelaksanaan program memperkasakan gender focal point sedia ada di bawah Kementerian dalam bidang kekeluargaan untuk menyokong <i>Family Impact Assessment (FIA)</i>	23 orang <i>Gender Focal Point</i> semua kementerian dan 5 <i>Gender Focal Point</i> KPWKM dilatih	2023	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agenzi Terlibat:</u> Semua Agensi

LANGKAH STRATEGIK 2



Memperkuat institusi perkahwinan yang berkualiti dan stabil

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ AGENSI TERLIBAT
1	Pembangunan Modul Persediaan dan Pemantapan Perkahwinan	3 modul program persediaan dan pemantapan perkahwinan dibangunkan	2021-2022	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
2	Pengukuhan perkahwinan	14 program pengukuhan perkahwinan di peringkat negeri untuk pasangan bukan Islam dilaksanakan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		100 jurulatih utama untuk laksanakan program pengukuhan perkahwinan dilatih setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
3	Program kaunseling untuk pasangan bukan Islam (pra perceraian dan pasca perceraian)	1 projek rintis dilaksanakan	2021	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		Sekurang-kurangnya 10% sesi bagi kaunseling perkahwinan dan perceraian untuk pasangan bukan Islam setiap tahun	2022-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
4	Pelaksanaan program persediaan pra perkahwinan untuk pasangan bukan Islam	14 program pra perkahwinan di untuk pasangan bukan Islam dilaksanakan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agenzi Terlibat:</u> Semua Agensi
		100 jurulatih utama untuk laksana program persediaan pra perkahwinan untuk pasangan bukan Islam dilatih setiap tahun	2021-2025	
5	Pewujudan dana sokongan keluarga pasca perceraian	1 dana diwujudkan	2022	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agenzi Terlibat:</u> BDPS, Semua Agensi
6	Penyediaan buku panduan pengurusan pasca perceraian	1 buku panduan disediakan	2022	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agenzi Terlibat:</u> BDPS, Semua Agensi

LANGKAH STRATEGIK 3



Membudayakan nilai kekeluargaan dan pembangunan sahsiah remaja yang positif

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Peluasan pendidikan kemahiran keibubapaan kepada orang awam	1,000 program pendidikan kemahiran keibubapaan yang dilaksanakan	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		10% daripada penerima manfaat program keibubapaan LPPKN adalah penjawat awam	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		5% daripada penerima manfaat program keibubapaan LPPKN adalah kumpulan miskin tegar	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
2	Pembangunan modul kemahiran kebapaan	1 modul kebapaan akan dibangunkan	2022	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
3	Pemerkasaan program keseimbangan keluarga dan kerjaya dalam sektor swasta menerusi kolaborasi strategik dengan pihak luar	100 program yang dilaksanakan di peringkat negeri dalam tempoh 3 tahun	2021-2023	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ AGENSI TERLIBAT
4	Pelaksanaan program advokasi penerapanan nilai murni kekeluargaan (Gerakan Keluarga Sejahtera)	15 program advokasi dilaksanakan	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
5	Memperluaskan pengetahuan dan kemahiran remaja mengenai kesihatan reproduktif	1 juta <i>viewer</i> media sosial dan media utama untuk kempen digital kesihatan reproduktif dan sosial	2021	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua agensi
		65,000 orang remaja daripada komuniti berfokus mendapat manfaat	2021	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua agensi
		14 program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial untuk remaja dilaksanakan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		30 jurulatih utama dilatih untuk laksana program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial untuk remaja setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
		14 program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial untuk ibubapa dilaksanakan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		27 pusat remaja diwujudkan	2022-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
6	Penambahbaikan mekanisme penyelarasan dan pemantauan isu kesihatan reproduktif dan sosial (SRH)	Sekretariat <i>State Coordinating Committee on Reproductive Health</i> (SCCRH) di 3 buah negeri ditubuhkan secara rintis	2022-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
7	Penyediaan garis panduan family centered approach bagi penyampaian prorgam dan perkhidmatan KPWKW	1 garis panduan dibangunkan	2022	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi



LANGKAH STRATEGIK 4

Meningkatkan aksesibiliti khidmat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan keluarga bersasar

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ AGENSI TERLIBAT
1	Peluasan aksesibiliti perkhidmatan sokongan keluarga	200,000 setahun penerima manfaat daripada perkhidmatan sokongan keluarga	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		40,000 ahli keluarga di kawasan PPR/ Kampung Nelayan/ Komuniti berfokus (PKB)	2021	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		25,000 wanita untuk penerima Subsidi Mamogram	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		20,000 wanita untuk saringan HPV DNA	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
		200 sukarelawan kekeluargaan dilatih	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
2	Peningkatan program pembangunan kapasiti kaunselor keluarga dalam bidang perkahwinan dan kekeluargaan	60 orang kaunselor keluarga terlatih dalam bidang terapi perkahwinan dan kekeluargaan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
3	Pemerkasaan keluarga dalam komuniti ke arah pembangunan komuniti yang lestari	14 komuniti	2021-2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN
		42 fasilitator keluarga	2021-2025	<u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
4	Penyediaan infrastruktur dan kemudahan subfertiliti yang lebih komprehensif	1 pusat kepakaran subfertiliti	2025	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi

TERAS 2 : MEMPERKASA WANITA

LANGKAH STRATEGIK 1



Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan wanita

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Pengemaskinian Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara	1 Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dikemaskini	2021	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JPW, JKM, ISM, LPPKN, YKN
2	Pengukuhan perundangan berkaitan perlindungan terhadap wanita	1 perundangan berkaitan gangguan seksual digubal	2021-2022	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JPW
3	Pengukuhan perundangan berkaitan kesaksamaan gender	1 perundangan berkaitan berkaitan kesaksamaan gender digubal	2021-2023	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JPW, JKM, ISM, LPPKN, UKK
4	Kajian/ Penyelidikan berkaitan isu-isu wanita	15 kajian berkaitan isu-isu wanita dilaksanakan	2021-2025	<u>Peneraju:</u> ISM, BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JPW, JKM, ISM, LPPKN, YKN

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
5	Pewujudan pekeliling baharu bagi memperkuatkukuhkan pemerkasaan wanita	2 pekeliling baharu diwujudkan	2023	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JPW, JKM, ISM, LPPKN, YKN
6	Indeks Kesejahteraan Wanita	1 indeks dibangunkan	2025	<u>Peneraju:</u> JPW <u>Agensi Terlibat:</u> BDPS, JKM, ISM, LPPKN, YKN

LANGKAH STRATEGIK 2



Mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan wanita

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Pemerkasaan kepimpinan wanita pelbagai peringkat umur	10 program pembangunan kapasiti kepimpinan dianjurkan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JPW <u>Agenzi Terlibat:</u> JKM, LPPKN, ISM, YKN
2	Pemerkasaan ekonomi wanita	42 program advokasi penjanaan pendapatan, ekonomi digital dan literasi kewangan dianjurkan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JPW <u>Agenzi Terlibat:</u> JKM, LPPKN, ISM, YKN
3	Pembangunan wanita dalam bidang sains dan teknologi	12 program advokasi untuk menggalakkan penglibatan wanita dalam STEM dan IT dianjurkan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JPW <u>Agenzi Terlibat:</u> JKM, LPPKN, ISM, YKN
4	Pembangunan kemahiran wanita	500 wanita mendapat sijil kemahiran dalam bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JKM <u>Agenzi Terlibat:</u> JPW, LPPKN, ISM, YKN
		12 program untuk wanita warga emas dianjurkan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JPW <u>Agenzi Terlibat:</u> JKM, LPPKN, ISM, YKN

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ AGENSI TERLIBAT
5	Program Pemerksaan Ekonomi Wanita Isirumah PPR: Pembangunan Usahawan Mamacare	100 orang remaja wanita isirumah PPR di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor	2021	<u>Peneraju:</u> LPPKN <u>Agensi Terlibat:</u> Semua agensi

LANGKAH STRATEGIK 3



Memperkuatkan aspek perlindungan dan penjagaan terhadap wanita

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Pemantapan Rumah Perlindungan Wanita	1 modul pembangunan kapasiti Pegawai Pelindung dibangunkan	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JKM, JPW <u>Agenzi Terlibat:</u> ISM
		2 modul piawai intervensi untuk mangsa (KRT dan ATIP) dibangunkan		
2	Kesedaran terhadap menangani keganasan dan diskriminasi terhadap wanita	84 program advokasi berkenaan kesedaran terhadap menangani keganasan dan diskriminasi terhadap wanita dianjurkan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JPW <u>Agenzi Terlibat:</u> Semua Agenzi
3	Pengukuhan sokongan kepada golongan wanita rentan (cth. Bekas banduan wanita / bekas penagih dan sebagainya)	12 program sokongan sosio-ekonomi dianjurkan pada setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agenzi Terlibat:</u> JPW

LANGKAH STRATEGIK 4



Meningkatkan kepekaan gender ke arah pembentukan masyarakat yang saksama

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Pembangunan Modul Mengarusperdana Gender	1 modul dibangunkan	2021	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JPW
2	Pembangunan Pelan Tindakan Gender (<i>Gender Action Plan</i>)	1 pelan tindakan dibangunkan	2021	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
3	Penyediaan pelan komunikasi bagi mempertingkatkan kefahaman mengenai kesaksamaan gender	1 pelan komunikasi dibangunkan	2021	<u>Peneraju:</u> UKK <u>Agensi Terlibat:</u> BDPS, Semua Agensi
4	Program kepekaan gender	20 program kepekaan gender diadakan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> BDPS, JPW <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
5	Mengarusperdana gender	<i>Gender focal point/ team secara rintis di lima Kementerian/ Agensi dibentuk</i>	2022	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JPW

LANGKAH STRATEGIK 5



Mewujudkan jaringan pemerkasaan wanita ke arah memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Penubuhan Majlis Wanita Negara (MWN) di peringkat Persekutuan	1 MWN ditubuhkan	2021	<u>Peneraju:</u> JPW, BDPS <u>Agenzi Terlibat:</u> Semua Agenzi
2	Kolaborasi dengan pertubuhan masyarakat madani (CSO)/ badan bukan kerajaan (NGO)	100 kerjasama dengan NGO setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JPW <u>Agenzi Terlibat:</u> JPW, JKM, LPPKN
3	Pengukuhan jaringan kerjasama dengan pemain industri (<i>industry player</i>)	3 perjanjian kerjasama strategik setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JPW <u>Agenzi Terlibat:</u> BKS, JKM, LPPKN, ISM

TERAS 3: MELINDUNGI DAN MEMBANGUN KANAK-KANAK

LANGKAH STRATEGIK 1



Memantapkan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan kanak-kanak

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Semakan semula Dasar Kanak-Kanak Negara	1 dasar baharu digubal	2021	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JKM,ISM
2	Pembangunan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara 2021-2025	1 Pelan Tindakan dibangunkan	2021	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> Semua Agensi
3	Kajian berkaitan kanak-kanak	7 kajian dilaksanakan	2021-2025	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JKM, ISM
4	Pembangunan <i>National Children Development Index</i>	1 <i>National Children Development Index</i> dibangunkan	2025	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agensi Terlibat:</u> JKM



LANGKAH STRATEGIK 2

Mempertingkatkan program pencegahan dan pembangunan supaya kanak-kanak mencapai potensi optimum

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/AGENSI TERLIBAT
1	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik bagi Pelan Strategi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur	1 pelan komunikasi strategik dibangunkan	2021	<u>Peneraju:</u> UKK <u>Agenzi Terlibat:</u> BDPS, Semua Agenzi
2	Pendaftaran TASKA baharu	200 buah TASKA baharu didaftar setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agenzi Terlibat:</u> JKM
3	Pendaftaran Pusat Jagaan Kanak-Kanak baharu	150 Pusat Jagaan Kanak-Kanak Baharu didaftar setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agenzi Terlibat:</u> JKM
4	Pemantapan pelaksanaan program advokasi kanak-kanak	50 program advokasi dianjurkan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JKM <u>Agenzi Terlibat:</u> LPPKN, ISM
		10,000 orang peserta setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju:</u> JKM <u>Agenzi Terlibat:</u> LPPKN, ISM
5	Pemerkasaan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak	5 program pembangunan kapasiti dianjurkan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agenzi Terlibat:</u> JKM
		300 orang kanak-kanak setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agenzi Terlibat:</u> JKM

BIL	PROGRAM	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	PENERAJU/ AGENSI TERLIBAT
6	Pelaksnaan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (KAP)	300 orang pengasuh yang menghadiri dan lulus kursus KAP setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agensi Terlibat:</u> JKM
7	Pemantauan kepada pematuhan dan penguatkuasaan AKTA dan Peraturan-Peraturan TASKA dan Pusat Jagaan	2 kali pemeriksaan/ pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agensi Terlibat:</u> JKM
8	Pemberian subsidi yuran pengasuhan kepada kanak-kanak	1,300 orang kanak-kanak mendapat subsidi setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agensi Terlibat:</u> JKM
9	Pelaksanaan Tindakan bagi Pelan Strategi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur	58 tindakan dilaksanakan	2021-2025	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agenzi Terlibat:</u> JKM, LPPKN, ISM, JPW
10	Penempatan pelatih PDK ke aliran perdana pendidikan iaitu Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Sekolah Pendidikan Khas & Program Pendidikan Inklusif	100 kanak-kanak memasuki aliran perdana pendidikan setiap tahun	2021-2025	<u>Peneraju/ Agensi Terlibat:</u> JKM
11	Menambahbaik/ memperkenalkan program baharu untuk pembangunan kanak-kanak	2 program	2021-2025	<u>Peneraju:</u> BDPS <u>Agenzi Terlibat:</u> JKM, LPPKN, ISM

